

## Pembangunan baharu wajib pasang WSD

SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI  
30 JANUARI 2018



Jaseni (kiri) menunjukkan WSD dan kepala paip yang boleh digunakan

GEORGETOWN - Pulau Pinang dijangka akan melaksanakan pemasangan mandatori peranti penjimatan air (WSD) bagi projek pembangunan baharu pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Datuk Jaseni Maidinsa berkata, Pulau Pinang merupakan negeri pertama di negara ini melaksanakan pemasangan WSD apabila meluluskan peraturan memerlukan pemaju memasang WSD untuk semua projek pembangunan baharu mereka.

Menurutnya, cadangan PBAPP itu diluluskan oleh Majlis Eksekutif Pulau Pinang pada 28 November tahun lalu bertujuan mengurangkan pembaziran air di negeri ini.

"Kita ada tiga langkah untuk mengurangkan penggunaan air berlebihan di negeri ini iaitu mendidik rakyat supaya berjimat dalam menggunakan air, menyemak semula tarif air dan yang terbaru adalah meminda dan mewartakan undang-undang bangunan.

"Langkah seterusnya adalah proses perundangan yang perlu bagi pindaan dan pewartaan. Hanya selepas pewartaan ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP) boleh menguatkuasakan peraturan baru. PBAPP akan membantu ke arah pelaksanaannya.

"WSD adalah peranti mesra air yang membolehkan pengguna menjimatkan air secara automatik tanpa sebarang perubahan kepada rutin harian atau tabiat. WSD mengurangkan dan mengawal aliran air dan, dengan itu, penggunaan air dengan setiap kali penggunaan," katanya kepada media tadi.